

# ANALISIS MATAN UNDANG-UNDANG SYARIAH NEGERI BERKAITAN KESALAHAN MENGHINA AGAMA ISLAM DI MALAYSIA

## Texts Analysis of Islamic Blasphemy Law in Malaysia

MOHAMAD AZRI BIN KHARAL ANUAR  
MOHD AL ADIB BIN SAMURI

### ABSTRAK

*Peruntukan undang-undang bagi kesalahan menghina agama Islam terdapat dalam akta atau enakmen jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia. Bagaimanapun, peruntukan sedia ada berkaitan kesalahan menghina agama masih kabur sehingga menyebabkan penguatkuasaan dan pendakwaan sukar untuk dijalankan. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis matan undang-undang Islam di negeri-negeri yang berkaitan dengan kesalahan menghina agama di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis dokumen dengan merujuk statut undang-undang Islam di setiap negeri yang berkaitan kesalahan menghina agama daripada pandangan para ulama. Analisis mendapati setiap terma atau frasa yang digunakan dalam matan undang-undang Islam berkaitan kesalahan menghina agama mempunyai sandaran yang jelas daripada al-Qur'an, hadith dan pendapat ulama. Kajian ini perlu dilakukan untuk meneroka maksud-maksud yang terkandung dalam kesalahan menghina agama dalam undang-undang jenayah syariah di setiap negeri dan membantu pihak penguatkuasa agama ataupun pendakwa Syariah dalam menjalankan tugas mereka apabila berhadapan dengan kes-kes menghina agama dalam kalangan orang Islam.*

**Kata kunci:** Undang-undang Jenayah Syariah, Menghina Agama, Analisis Matan, Mahkamah Syariah.

### ABSTRACT

*Legal provisions for blasphemy are found in Acts or in State Sharia Criminal Enactments in Malaysia. However, the current provisions relating to blasphemy are still ambiguous and this has made enforcement and prosecution difficult. Hence, this research aimed to analyse state Islamic law texts related to blasphemy throughout Malaysia. This research used the content analysis approach by referring to Islamic law statutes concerning blasphemy in every state from the Islamic scholars' views. The analysis found that each theme or phrase used in the Islamic law texts related to blasphemy had relied on the al-Qur'an, Hadith and views of religious scholars. This study is necessary in order to explore the meanings of the blasphemy offences that found in the State Sharia Criminal Laws and also to assist religious enforcement officers or Sharia prosecutors to carry out their duties when faced with blasphemy cases among Muslims.*

**Keywords:** Sharia Criminal Law, Blasphemy, Legal Text Analysis, Sharia Courts.

## PENGENALAN

Mutakhir ini terpampang di dada-dada akhbar tentang kes-kes menghina agama Islam yang berlaku di Malaysia. Penghinaan terhadap agama Islam merupakan suatu kesalahan yang besar di sisi syarak kerana ia adalah suatu pencabulan terhadap kesucian agama. Bahkan menurut Muhammad Nazir et al. (2010) perbuatan mempersendakan agama merupakan penyelewengan aqidah dan boleh menyebabkan pelakunya terkeluar dari agama Islam.

Di Malaysia, peruntukan undang-undang bagi kesalahan menghina agama Islam boleh ditemui dalam enakmen jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia. Antaranya dalam seksyen 9, 10 dan 11 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor 1995, seksyen 7, 8 dan 32 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 dan seksyen 49, 50 dan 56 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992. Dalam undang-undang tersebut, peruntukan yang membabitkan kesalahan menghina agama Islam adalah terbahagi kepada tiga jenis kesalahan, iaitu:

- i. Kesalahan menghina atau menyebabkan dipandang hina dan lain-lain agama Islam.
- ii. Kesalahan mempersendakan dan lain-lain ayat al-Qur'an atau Hadith.
- iii. Kesalahan memusnahkan atau mencemarkan tempat beribadat dengan niat menghina atau mempersendakan agama Islam.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa isu yang timbul membabitkan peruntukan-peruntukan tersebut. Shamrahayu A. Aziz (2007) menegaskan skop sebenar kesalahan menghina agama secara umumnya tidak jelas dan hanya boleh ditafsirkan oleh mahkamah. Siti Zubaidah pula (2012) berpendapat peruntukan sedia ada yang membabitkan kesalahan menghina agama Islam juga didapati agak kabur sehingga menyukarkan penguatkuasaan dan pendakwaan dijalankan. Contohnya, perlakuan dan kenyataan yang boleh dianggap menghina agama Islam didapati sering berlaku tetapi peruntukan mengenai kesalahan berkenaan tidak menghuraikan lebih lanjut tentang elemen atau maksud kesalahan tersebut.

Sehubungan dengan itu, analisis perlu dilakukan terhadap matan undang-undang syariah yang membabitkan kesalahan menghina agama Islam bagi merungkai segala maksud yang terkandung di dalamnya selain mengetahui tempat sandaran undang-undang itu melalui nas al-Qur'an, hadith ataupun pendapat ulama yang muktabar. Kajian yang dilakukan hanya melibatkan peruntukan undang-undang syariah di Malaysia yang terpakai keatas orang Islam sahaja.

## DEFINISI MENGHINA AGAMA

Menghina agama dalam Bahasa Arab disebut sebagai *al-istihzā' bi al-dīn*. Menurut Ibn Manzūr (t.th.), lafaz *istihzā'* adalah berasal daripada perkataan *huzū'* yang bermaksud *sukhriyyah* iaitu ejekan atau cemuhan. Begitu juga al-Rāzī (2014) dan al-Fayrūz Ābādī (2008) yang menyatakan bahawa maksudnya ialah *sakhira*. Lafaz *sukhriyyah* ialah sinonim dengan lafaz *istihzā'* pada maknanya dari segi bahasa dan di sisi ulama Bahasa Arab. Bahkan pada kalam Allah juga turut mempunyai maksud yang serupa (al-Qurashī 2005) seperti dalam surah al-An'ām 6:10 yang bermaksud:

Dan demi sesungguhnya! Telah diperolok-olokkan beberapa orang rasul sebelummu, lalu orang-orang yang mengejek-ejek di antara mereka ditimpakan (balasan azab) bagi apa yang mereka telah perolok-olokkan itu.

Ibn 'Āshūr (1984) ketika mengulas tentang ayat tersebut telah menyatakan *istihzā'* adalah seerti dengan *sukhriyyah* di sisi para imam dalam Bahasa Arab. Perkataan-

perkataan Arab lain yang merujuk kepada perlakuan *istihzā'* ialah seperti *sabba* yang bermakna mencela, mencaci atau memaki dan *shatam* yang bermaksud mencerca atau menyumpah (Iffatkhalid & Ms Shamana Munawar 2015). Oleh itu, dapatlah disimpulkan yang terma-terma seperti mempersenda, memperolok-olokkan, mengejek, mencemuh, mencela, mencaci, memaki, mencerca dan menyumpah adalah termasuk dalam maksud perbuatan menghina atau *istihzā'*.

Dari segi istilah pula, al-Juzdani sebagaimana dipetik dalam al-Qurashī (2005) mendefinisikan *istihzā'* sebagai menzahirkan setiap pegangan, perbuatan atau kata-kata yang mempunyai maksud atau bertujuan untuk melakukan penghinaan terhadap agama, merendah-rendahkannya atau mencela Allah SWT dan para rasul-Nya.

## PANDANGAN ULAMA TERHADAP KESALAHAN MENGHINA AGAMA

Penghinaan terhadap agama boleh berlaku melalui banyak cara. Antara tiga bentuk penghinaan yang lazim disebutkan oleh para fuqaha ialah perbuatan atau perkataan yang mencerca Allah SWT, menghina Nabi Muhammad SAW dan mempersendakan al-Qur'an. Kelaziman ini berlaku kerana terdapat firman Allah SWT dalam surah al-Taubah 9:65-66 yang bermaksud:

Katakanlah: "Patutkah nama Allah dan ayat-ayatNya serta Rasul-Nya kamu memperolok-olok dan mengejeknya?" Janganlah kamu berdalih (dengan alasan-alasan yang dusta), kerana sesungguhnya kamu telah kufur sesudah kamu (melahirkan) iman.

Ibn al-<sup>o</sup>Arabī (2003) dan Ibn Taimiyyah (1994) ketika mengulas tentang ayat tersebut telah menyatakan bahawa orang yang melakukan perbuatan menghina Allah, Rasulullah dan al-Qur'an adalah dihukum kufur walaupun dilakukan dalam keadaan bermain-main atau bergurau. al-Rāzī (1981) menegaskan bahawa menghina agama dengan apa cara sekalipun adalah suatu kekufuran kepada Allah kerana menghina itu menunjukkan perilaku merendah-rendahkan, padahal dasar terbesar dalam keimanan ialah rasa *ta<sup>o</sup>zīm* kepada Allah SWT dengan kedudukan tertinggi dan menghimpunkan antara *istihzā'* (penghinaan) dan *ta<sup>o</sup>zīm* kepada Allah adalah suatu perkara yang mustahil. Rashīd Ridhā (1947) pula menjelaskan perbuatan-perbuatan tersebut adalah tergolong dalam perbuatan kufur secara hakiki yang mengeluarkan seorang muslim daripada agama dan hendaklah dilaksanakan keatasnya hukuman murtad kecuali dia bertaubat dan memperbaharui keIslamannya.

## ORANG MUSLIM YANG MENGHINA AGAMA ADALAH DIHUKUM MURTAD

Al-Qādhī <sup>o</sup>Iyyād (2004), al-Sharbīnī (2000), Ibn Qudāmah (2004) dan Ibn Taimiyyah (1994) telah menyatakan bahawa para ulama telah bersepakat orang yang menghina Allah, Rasulullah dan al-Qur'an dalam kalangan orang Islam telah menjadi kafir disebabkan perbuatannya itu termasuklah jika dilakukan dalam keadaan bergurau. Begitu

juga mana-mana muslim yang menghina agama Islam melalui bentuk-bentuk penghinaan lain seperti menghina hadith Nabi SAW, perintah-perintah agama yang sabit melalui nas-nas syarak dan undang-undang Islam juga dihukum sebagai murtad. Hukuman murtad ini adalah bersandarkan kepada kaedah yang telah diletakkan oleh °Abd al-Karīm Zaydān (1993) iaitu semua perkataan dan perbuatan yang terkandung di dalamnya penghinaan terhadap Allah, ayat-ayat al-Qur'an, agama Islam dan para Rasul adalah membawa kepada murtad. Al-Zuhaylī (2008) juga berpendapat seorang muslim yang mencerca Allah SWT, Nabi Muhammad SAW, mana-mana malaikat atau nabi yang telah diutuskan dianggap telah kufur.

Perbuatan mempersendakan, menghina atau mempermain-mainkan ayat-ayat al-Qur'an adalah termasuk dalam perkara yang membawa kepada kekufuran seperti mana jawapan al-Shāfi'ī ketika ditanya tentang orang yang bermain-main atau bergurau dengan suatu ayat daripada al-Qur'an, maka beliau telah menjawab sesungguhnya dia adalah seorang kafir (al-Subkī 2000). Ibn Nujaym (1997) berpendapat orang yang mengingkari satu ayat daripada al-Qur'an atau mengejek walau satu ayat daripadanya dihukum sebagai kufur.

Contoh penghinaan terhadap ayat-ayat Allah secara fizikal ialah seperti memijak al-Qur'an, mencampaknya ke dalam kotoran dan mengubah tulisannya dengan menambah atau mengurangkan kandungannya (°Abd al-Latīf 1994). Menurut al-Sharbīnī (2000) perbuatan yang menyebabkan kekufuran ialah sekiranya pelaku bermaksud untuk menghina Islam secara terang-terangan atau penentangan seperti meletakkan najis di atas al-Qur'an di mana perbuatan seumpama ini secara terang-terangan memperkecilkan kalam Allah dan memperkecilkan kalam Allah membawa maksud memperkecilkan Allah SWT.

Selain daripada tiga jenis penghinaan yang telah dinyatakan, perbuatan lain yang boleh membawa kepada kekufuran menurut fuqaha ialah menghina al-Sunnah ataupun hadith Nabi SAW. Menghina al-Sunnah adalah termasuk dalam penghinaan terhadap agama Islam kerana al-Sunnah juga merupakan wahyu Allah SWT kepada Rasulullah SAW yang mengandungi ajaran Islam (Muhammad Nazir et al. 2010). Begitu juga dengan perbuatan meroboh Kaabah atau tempat-tempat ibadah orang-orang Islam kerana menghina atau *istihzā'* (mempersenda-sendakan) boleh menyebabkan seseorang muslim itu menjadi kufur (Abdul Ghani 1994).

Perbuatan mencampakkan buku hadith ke dalam kotoran atau najis dengan niat menghina adalah termasuk dalam perbuatan yang menyebabkan pelakunya menjadi kafir (al-Zuhaylī 2008). Di samping itu, individu yang tidak melaksanakan hukum Allah yang terkandung dalam al-Qur'an dan Sunnah dengan alasan kononnya syariat Islam itu mundur, jumud dan tidak sesuai untuk dilaksanakan di zaman yang serba moden ini adalah murtad (Arief Sallah 2001). Penghinaan lain yang menyebabkan pelakunya dihukum kufur ialah menghina ajaran Islam yang bersifat *qat'ī* dengan kata-kata atau tulisan sama ada semuanya atau salah satu daripadanya (Abdul Ghani 1994). Bahkan menurut Sa'īd (1998) seseorang yang Islam akan terkeluar dari agama Islam dan akan menjadi murtad atau kafir dengan sebab memperolok-olok atau mengejek-ejek sesuatu hukum yang sudah jelas dalam agama Islam dan disebutkan nasnya dalam al-Qur'an dan al-Sunnah.

## PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG SYARIAH KESALAHAN MENGHINA AGAMA

Menghina agama Islam merupakan suatu kesalahan jenayah syariah di semua negeri di Malaysia. Kebanyakan negeri meletakkan peruntukan-peruntukan yang membabitkan kesalahan ini dalam bahagian yang berhubungan dengan kesucian agama Islam dan institusinya. Contohnya seperti negeri Selangor yang memperuntukkan kesalahan ini dalam Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 pada Bahagian III, Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Kesucian Agama Islam Dan Institusinya seperti yang boleh dilihat dalam seksyen 9, 10 dan 11. Peruntukan-peruntukan bagi kesalahan tersebut dinyatakan seperti berikut:

1. Seksyen 9: Mana-mana orang yang, dengan kata-katanya atau perbuatannya, mempersendakan, menghina, mencemuh atau menyebabkan dipandang hina ayat-ayat al-Qur'an atau Hadith adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.
2. Seksyen 10: Mana-mana orang yang dengan perkataan yang dapat didengar atau dibaca atau dengan lukisan, tanda atau bentuk lain gambaran yang tampak atau yang dapat dilihat atau dengan apa-apa cara lain –
  - a. Menghina agama Islam atau menyebabkan agama Islam dipandang hina;
  - b. Mempersendakan, mengajuk-ajuk atau mencemuh amalan atau upacara yang berhubungan dengan agama Islam; atau
  - c. Mempersendakan atau menyebabkan dipandang hina mana-mana undang-undang yang sedang berkuatkuasa di negeri ini yang berhubungan dengan agama Islam, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.
3. Seksyen 11: Mana-mana orang yang memusnahkan, merosakkan atau mencemarkan mana-mana masjid atau surau atau tempat beribadat lain atau apa-apa kelengkapannya dengan niat untuk menghina atau mempersendakan agama Islam adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

Selain itu, hukuman yang diperuntukkan oleh setiap negeri bagi tiga kesalahan ini masih berada dalam kategori takzir kerana kadar hukuman yang boleh dikenakan oleh Mahkamah Syariah adalah tertakluk di bawah Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984) iaitu tidak boleh melebihi 3 tahun penjara atau denda tidak melebihi RM 5,000 atau sebatan tidak melebihi 6 kali atau kombinasi mana-mana hukuman tersebut.

## ANALISIS MATAN UNDANG-UNDANG KESALAHAN MENGHINA AGAMA

Kesalahan-kesalahan yang menjadi fokus dalam kajian ialah kesalahan menghina atau menyebabkan dipandang hina dan lain-lain agama Islam, mempersendakan dan lain-lain

ayat al-Qur'an atau Hadith dan memusnahkan atau mencemarkan tempat beribadat. Berikut ialah analisis matan undang-undang terhadap tiga kesalahan tersebut.

### 1. Kesalahan menghina atau menyebabkan dipandang hina dan lain-lain agama Islam

Semua negeri telah memperuntukkan bentuk kesalahan ini dalam enakmen jenayah syariah masing-masing. Cumanya ada negeri-negeri yang menggunakan matan yang sama bagi kesalahan ini dan ada juga negeri yang menggunakan matan yang agak berbeza dengan negeri-negeri yang lain. Jadual-jadual berikut memaparkan matan undang-undang yang diguna pakai oleh negeri-negeri bagi kesalahan menghina agama:

Jadual 1 Penggunaan matan undang-undang berkaitan bentuk-bentuk tindakan menghina agama

Bil	Matan undang-undang	Negeri, Undang-undang dan Tahun
1.	<i>dengan perkataan</i>	Seksyen 10 EJS Selangor 1995, Seksyen 50 EJS Negeri Sembilan 1992, Seksyen 14 EJS Perak 1992 & Seksyen 62 EKS Melaka 1991
2.	<i>secara lisan</i>	Seksyen 7 AKJS Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997, Seksyen 7 OKJS Sarawak 2001, Seksyen 7 EKJS Johor 1997, Seksyen 8 EKJS Terengganu 2001, Seksyen 7 EKJS Kedah 2014, Seksyen 7 EKJS Pulau Pinang 1996, Seksyen 11 EKJS Pahang 2013, Seksyen 50 EJS Negeri Sembilan 1992, Seksyen 14 EJS Perak 1992, Seksyen 63 EKS Melaka 1991, Seksyen 120 EMAI AIM Kelantan 1994, Seksyen 39 EJDS Perlis 1993 & Seksyen 55 EKJS Sabah 1995
3.	<i>secara bertulis / tulisan</i>	Seksyen 7 AKJS Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997, Seksyen 7 OKJS Sarawak 2001, Seksyen 7 EKJS Johor 1997, Seksyen 8 EKJS Terengganu 2001, Seksyen 7 EKJS Kedah 2014, Seksyen 7 EKJS Pulau Pinang 1996, Seksyen 11 EKJS Pahang 2013, Seksyen 50 EJS Negeri Sembilan 1992, Seksyen 14 EJS Perak 1992, Seksyen 63 EKS Melaka 1991, Seksyen 120 EMAI AIM Kelantan 1994, Seksyen 39 EJDS Perlis 1993 & Seksyen 55 EKJS Sabah 1995
4.	<i>perkataan yang dapat didengar</i>	Seksyen 10 EJS Selangor 1995

5. *perkataan yang dapat dibaca* Seksyen 10 EJS Selangor 1995
  6. *dengan apa-apa perbuatan / dengan perbuatan* Seksyen 50 EJS Negeri Sembilan 1992, Seksyen 14 EJS Perak 1992, Seksyen 39 EJDS Perlis 1993 & Seksyen 62 EKS Melaka 1991
  7. *kelakuan / kelakuan yang nyata* Seksyen 50 EJS Negeri Sembilan 1992, Seksyen 14 EJS Perak 1992, Seksyen 63 EKS Melaka 1991, Seksyen 120 EMAI AIM Kelantan 1994 & Seksyen 55 EKJS Sabah 1995
  8. *dengan gambaran yang tampak* Seksyen 7 AKJS Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997, Seksyen 7 OKJS Sarawak 2001, Seksyen 7 EKJS Johor 1997, Seksyen 8 EKJS Terengganu 2001, Seksyen 7 EKJS Kedah 2014, Seksyen 7 EKJS Pulau Pinang 1996 & Seksyen 11 EKJS Pahang 2013
  9. *bentuk lain gambaran yang tampak atau yang dapat dilihat* Seksyen 10 EJS Selangor 1995
  10. *dengan penyertaan zahir* Seksyen 50 EJS Negeri Sembilan 1992 & Seksyen 14 EJS Perak 1992
  11. *dengan aktiviti* Seksyen 50 EJS Negeri Sembilan 1992 & Seksyen 14 EJS Perak 1992
  12. *dengan isyarat* Seksyen 50 EJS Negeri Sembilan 1992 & Seksyen 14 EJS Perak 1992
  13. *dengan tanda* Seksyen 10 EJS Selangor 1995
  14. *dengan lukisan* Seksyen 10 EJS Selangor 1995
  15. *dengan apa-apa cara lain / sebarang cara lain / cara apa jua pun* Seksyen 7 AKJS Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997, Seksyen 7 OKJS Sarawak 2001, Seksyen 7 EKJS Johor 1997, Seksyen 8 EKJS Terengganu 2001, Seksyen 7 EKJS Kedah 2014, Seksyen 7 EKJS Pulau Pinang 1996, Seksyen 11 EKJS Pahang 2013, Seksyen 10 EJS Selangor 1995, Seksyen 50 EJS Negeri Sembilan 1992, Seksyen 14 EJS Perak 1992, Seksyen 120 EMAI AIM Kelantan 1994 & Seksyen 39 EJDS Perlis 1993
-

Jadual 1 menunjukkan penggunaan matan undang-undang berkaitan bentuk-bentuk tindakan menghina agama yang terdapat dalam undang-undang jenayah syariah di seluruh negeri. Analisis mendapati keseluruhan negeri memperuntukkan bentuk tindakan menghina agama ialah yang dilakukan melalui perkataan. Penghinaan melalui perkataan dapat dibahagikan kepada dua iaitu secara lisan atau tulisan. Perkara ini menjadi lebih jelas apabila negeri Selangor menambah frasa '*yang dapat didengar atau dibaca*' ketika menyebut tindakan menghina agama melalui perkataan. Ini menunjukkan penghinaan melalui perkataan itu boleh terjadi sama ada melalui lisan yang dapat didengar oleh orang lain secara langsung mahupun melalui alat-alat elektronik. Termasuk juga perkataan dalam bentuk tulisan yang dapat dibaca daripada helaian-helaian kertas, dinding atau media-media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, blog dan lain-lain. Penghinaan yang dilakukan dalam media-media sosial juga boleh didakwa di Mahkamah Sivil melalui seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang memperuntukkan kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian dan lain-lain. Manakala penghinaan melalui perbuatan atau kelakuan yang nyata hanya diperuntukkan oleh Negeri Sembilan, Melaka dan beberapa buah negeri lain seperti Perlis, Kelantan dan Sabah.

Wilayah-wilayah Pesekutuan, Sarawak, Johor, Terengganu, Kedah, Pulau Pinang dan Pahang meletakkan dalam peruntukan undang-undang jenayah syariah mereka penghinaan melalui gambaran yang tampak. Begitu juga Selangor yang menambah beberapa bentuk tindakan menghina lain yang sinonim dengan gambaran iaitu lukisan dan tanda. Maksud tampak ialah tidak terlindung, dapat dilihat atau kelihatan (Kamus Dewan 2014). Maksud ini dikukuhkan lagi apabila seksyen 10 EJS Selangor 1995 menambah frasa '*atau yang dapat dilihat*' selepas perkataan tampak. Oleh itu, penghinaan melalui gambaran yang tampak boleh ditafsirkan sebagai penghinaan yang dilakukan melalui gambaran atau lukisan yang nyata dan dapat dilihat oleh pandangan mata kasar.

Hanya Negeri Sembilan dan Perak sahaja yang memperuntukkan kesalahan menghina agama melalui sebarang bentuk aktiviti, penyertaan zahir dan isyarat. Selain itu, analisis terhadap jadual juga mendapati majoriti negeri meletakkan tindakan menghina dengan apa-apa cara lain sebagai suatu kesalahan untuk menunjukkan apa jua cara yang tidak disebut dalam peruntukan di sesebuah negeri tetapi bertujuan untuk menghina agama adalah suatu kesalahan yang boleh dikenakan tindakan undang-undang.

Jadual 2 Penggunaan matan undang-undang berkaitan kesalahan menghina agama

<b>Bil</b>	<b>Matan undang-undang</b>	<b>Negeri, Undang-undang dan tahun</b>
1.	<i>menghina agama Islam</i>	Seksyen 7 AKJS Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997, Seksyen 7 OKJS Sarawak 2001, Seksyen 7 EKJS Johor 1997, Seksyen 8 EKJS Terengganu 2001, Seksyen 7 EKJS Kedah 2014, Seksyen 7 EKJS Pulau Pinang 1996, Seksyen 11 EKJS Pahang 2013 & Seksyen 10 EJS Selangor 1995



---

2. <i>menyebabkan agama Islam dipandang hina</i>	Seksyen 7 AKJS Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997, Seksyen 7 OKJS Sarawak 2001, Seksyen 7 EKJS Johor 1997, Seksyen 8 EKJS Terengganu 2001, Seksyen 7 EKJS Kedah 2014, Seksyen 7 EKJS Pulau Pinang 1996, Seksyen 11 EKJS Pahang 2013 & Seksyen 10 EJS Selangor 1995
3. <i>disifatkan sebagai menghina</i>	Seksyen 50 EJS Negeri Sembilan 1992, Seksyen 14 EJS Perak 1992, Seksyen 63 EKS Melaka 1991, Seksyen 120 EMAI AIM Kelantan 1994 & Seksyen 55 EKJS Sabah 1995
4. <i>membuat hina</i>	Seksyen 39 EJDS Perlis 1993
5. <i>mencerca</i>	Seksyen 120 EMAI AIM Kelantan 1994
6. <i>cuba mencerca atau menghina agama Islam</i>	Seksyen 63 EKS Melaka 1991, Seksyen 120 EMAI AIM Kelantan 1994 & Seksyen 55 EKJS Sabah 1995
7. <i>sebarang cara yang membawa kepada mencerca</i>	Seksyen 63 EKS Melaka 1991 & Seksyen 55 EKJS Sabah 1995
8. <i>mencela</i>	Seksyen 50 EJS Negeri Sembilan 1992 & Seksyen 14 EJS Perak 1992
9. <i>cuba mencela atau menghina agama Islam</i>	Seksyen 50 EJS Negeri Sembilan 1992 & Seksyen 14 EJS Perak 1992
10. <i>mengolok-ngolok</i>	Seksyen 62 EKS Melaka 1991
11. <i>Mengajuk</i>	Seksyen 62 EKS Melaka 1991
12. <i>mengejek-ejek</i>	Seksyen 62 EKS Melaka 1991

---

Jadual 2 memaparkan berkenaan penggunaan matan undang-undang dalam kesalahan menghina agama. Terdapat lapan buah negeri yang menyebut kesalahan menghina dan menyebabkan dipandang hina agama Islam. Negeri-negeri tersebut ialah Wilayah-wilayah Persekutuan, Sarawak, Johor, Terengganu, Kedah, Pulau Pinang, Pahang dan Selangor. Menghina agama Islam boleh ditafsirkan sebagai penghinaan secara langsung sama ada melalui perkataan atau perbuatan. Manakala kesalahan menyebabkan dipandang hina agama Islam bermaksud suatu perlakuan atau pengucapan yang boleh membawa kepada menghina Islam. Contohnya ialah pendapat yang menyatakan bahawa undang-undang Islam yang merangkumi hudud dan qisas tidak

sesuai dilaksanakan pada zaman ini. Pendapat ini boleh menyebabkan agama Islam dipandang hina apabila orang awam mula menganggap undang-undang tersebut adalah bersifat kuno dan telah lapuk. Maksud ini juga boleh dipakai apabila membaca peruntukan berkenaan kesalahan ini di sebahagian negeri seperti Negeri Sembilan dan Perak yang menjadikan suatu yang disifatkan sebagai menghina adalah termasuk dalam kesalahan menghina agama Islam.

Frasa '*membuat hina*' pula hanya digunakan oleh negeri Perlis dalam peruntukannya. Maksudnya ada dijelaskan dalam seksyen 43 Enakmen Jenayah Dalam Syarak Perlis 1993 iaitu mencela, mengejek, mencemuh, mencerca, mengutuk atau mempempenda.

Manakala negeri Kelantan pula adalah satu-satunya negeri yang menggunakan perkataan mencerca dalam peruntukannya. Menurut Kamus Dewan (2014), mencerca bermaksud mengeluarkan kata-kata keji untuk menghina, mengejek dan mencaci. Dalam Bahasa Arab, mencerca disebut sebagai *sabb*. Menurut Ibn Taimiyyah (1994), *sabb* ialah kata-kata yang diucapkan bertujuan untuk meremeh-remehkan, merendah-rendahkan dan difahami pada akal manusia sebagai satu bentuk penceraan. Perkataan ini ada disebut di dalam al-Qur'an, surah al-An'ām 6:108 yang bermaksud:

Dan janganlah kamu cerca benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, kerana mereka kelak, akan mencerca Allah secara melampaui batas dengan ketiadaan pengetahuan. Demikianlah Kami memperelokkan pada pandangan tiap-tiap umat akan amal perbuatan mereka, kemudian kepada Tuhan merekalah tempat kembali mereka, lalu ia menerangkan kepada mereka apa yang mereka telah lakukan.

Ayat tersebut menjelaskan tentang perintah Allah SWT kepada orang-orang yang beriman supaya tidak mencerca sembah-sembahan orang kafir. Selain Kelantan, Melaka dan Sabah juga menggunakan lafaz yang terkandung di dalamnya perkataan mencerca iaitu '*sebarang cara yang membawa kepada mencerca*' dan '*cuba mencerca atau menghina agama Islam*' dalam peruntukan undang-undang di negeri masing-masing.

Bagi bentuk kesalahan ini, perkataan mencela hanya digunakan oleh Negeri Sembilan dan Perak. Mencela bermaksud mengecam, mengkritik (dengan memburuk-burukkan) dan mencaci (Kamus Dewan 2014). Dalam Bahasa Arab, *sabb* juga boleh diterjemahkan sebagai mencela. Oleh itu, perkataan mencerca dan mencela adalah membawa maksud yang sama iaitu mengeluarkan kata-kata untuk menghina.

Negeri Melaka merupakan satu-satunya negeri yang menggunakan perkataan mengolok, mengajuk dan mengejek-ejek dalam peruntukannya terhadap kesalahan ini. Ketiga-tiga perbuatan tersebut adalah termasuk dalam perlakuan yang menghina agama kerana dalam Bahasa Arab, perlakuan itu disebut sebagai *istihzā'* atau *sukhriyyah*.

Jadual 3 Penggunaan matan undang-undang kesalahan menghina perkara-perkara yang berkaitan dengan agama

<b>Bil</b>	<b>Matan undang-undang</b>	<b>Objek / Fokus</b>	<b>Negeri, Undang-undang dan tahun</b>
1.	<i>mempersendakan, mempermainkan, mengolok-olok, mengajuk-ajuk, mengejek-ejek, mencemuh</i>	<i>amalan atau upacara / perbuatan atau istiadat yang berhubungan / berkaitan dengan agama Islam</i>	Seksyen 7 AKJS Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997, Seksyen 7 OKJS Sarawak 2001, Seksyen 7 EKJS Johor 1997, Seksyen 8 EKJS Terengganu 2001, Seksyen 7 EKJS Kedah 2014, Seksyen 7 EKJS Pulau Pinang 1996, Seksyen 11 EKJS Pahang 2013, Seksyen 10 EJS Selangor 1995, Seksyen 14 EJS Perak 1992, Seksyen 50 EJS Negeri Sembilan 1992, Seksyen 62 EKS Melaka 1991, Seksyen 122 EMAI AIM Kelantan 1994, Seksyen 37 EJDS Perlis 1993 & Seksyen 54 EKJS Sabah 1995
2.	<i>mempersendakan, merendahkan, menyebabkan dipandang hina</i>	<i>mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa yang berhubungan dengan agama Islam</i>	Seksyen 7 AKJS Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997, Seksyen 7 OKJS Sarawak 2001, Seksyen 7 EKJS Johor 1997, Seksyen 8 EKJS Terengganu 2001, Seksyen 7 EKJS Kedah 2014, Seksyen 7 EKJS Pulau Pinang 1996, Seksyen 11 EKJS Pahang 2013 & Seksyen 10 EJS Selangor 1995
3.		<i>perjalanan mana-mana mazhab yang muktabar/sah</i>	Seksyen 50 EJS Negeri Sembilan 1992, Seksyen 63 EKS Melaka 1991, Seksyen 120 EMAI AIM Kelantan 1994 & Seksyen 55 EKJS Sabah 1995
4.		<i>mana-mana fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis atau Mufti</i>	Seksyen 50 EJS Negeri Sembilan 1992, Seksyen 63 EKS Melaka 1991, Seksyen 120 EMAI AIM Kelantan 1994, Seksyen 39 EJDS Perlis 1993 & Seksyen 55 EKJS Sabah 1995

5.	<i>pegawai agama, guru agama dan imam yang dilantik</i>	Seksyen 63 EKS Melaka 1991, Seksyen 120 EMAI AIM Kelantan 1994 & Seksyen 55 EKJS Sabah 1995	
6.	<i>seseorang Islam yang mendakwa dirinya</i>	<i>sebagai seorang bukan Islam</i>	Seksyen 63 EKS Melaka 1991 & Seksyen 55 EKJS Sabah 1995

Jadual 3 mencatatkan penggunaan matan undang-undang kesalahan menghina perkara-perkara yang berkaitan dengan agama. Antara perkara yang dimaksudkan ialah amalan atau upacara yang berhubungan dengan agama Islam, undang-undang yang sedang berkuat kuasa berhubungan dengan agama Islam, perjalanan mana-mana mazhab yang muktabar dan lain-lain.

Analisis mendapati seluruh negeri di Malaysia termasuklah Wilayah-wilayah Persekutuan menjadikan perbuatan mempersendakan amalan atau upacara yang berhubungan dengan agama Islam adalah termasuk dalam kategori kesalahan menghina agama. Negeri Perlis sedikit berbeza dengan negeri-negeri lain apabila menggunakan frasa '*perbuatan atau istiadat yang berkaitan dengan agama Islam*'. Menurut Kamus Dewan (2014), istiadat ialah peraturan atau cara-cara melakukan sesuatu yang sudah menjadi kebiasaan. Oleh itu dapatlah dikatakan bahawa amalan, upacara, perbuatan dan istiadat adalah membawa maksud yang sama. Contoh amalan yang berhubungan dengan agama Islam ialah solat, puasa, membaca al-Qur'an, berzikir dan lain-lain yang berkaitan dengan ibadah seorang muslim kepada Tuhan-Nya. Secara ringkasnya, amalan yang dimaksudkan telah ditentukan tatacara dan kaedah pelaksanaannya dalam syariat Islam. Maka, menjadi suatu kesalahan sekiranya ada individu yang mempersendakan, mengolok atau mengejek-ngejek amalan tersebut. Bahkan seorang muslim yang mengingkari atau mempersendakan perintah-perintah yang sabit dalam nas-nas syarak adalah dihukum sebagai murtad dan boleh dibunuh menurut undang-undang Islam sekiranya tidak mahu bertaubat.

Sebahagian negeri di Malaysia iaitu Sarawak, Johor, Terengganu, Kedah, Pulau Pinang, Pahang, Selangor dan termasuklah Wilayah-wilayah Persekutuan menjadikan perbuatan mempersendakan mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa yang berhubungan dengan agama Islam sebagai salah satu bentuk kesalahan menghina agama.

Selain itu, jadual menunjukkan hanya Negeri Sembilan, Melaka, Kelantan dan Sabah sahaja yang memperuntukkan kesalahan mengejek-ejek, menghina atau mencerca perjalanan mana-mana mazhab yang muktabar. Maksud peruntukan ini sebenarnya masih kabur kerana tidak dijelaskan bagaimanakah yang dikatakan mempersenda atau mengejek-ejek perjalanan mana-mana mazhab yang muktabar. Yang pastinya mazhab yang muktabar ialah mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) yang terdiri daripada mazhab Hanafī, Mālikī, Shāfi'ī dan Hanbalī. Oleh itu, analisis yang dapat dibuat melalui peruntukan ini ialah mana-mana individu yang mempersendakan, mengejek atau memperlekehkan amalan masyarakat Islam yang berpegang pada salah satu daripada empat mazhab tersebut adalah menjadi suatu kesalahan. Contohnya ialah seperti

mengatakan umat Islam tidak boleh mengikuti atau beramal dengan mazhab yang empat kerana menurutnya pendapat mazhab-mazhab itu bercanggah dengan al-Qur'an dan al-Sunnah, sudah ketinggalan zaman, jumud atau tidak relevan untuk diamalkan pada zaman ini. Termasuk juga dalam bentuk kesalahan ini individu yang tidak menghormati pegangan mazhab seseorang selagi mana mazhab yang dipegangnya adalah mazhab yang muktabar dalam ASWJ. Misalnya di Malaysia, masyarakat Islam telah beramal dengan mazhab Shāfi'ī sejak sekian lama semenjak kedatangan Islam ke Nusantara. Oleh itu, mana-mana individu adalah dilarang untuk mempertikaikan apatah lagi memperlekehkan pengamalan mazhab tersebut dalam kalangan masyarakat.

Seterusnya ialah kesalahan mempersendakan atau menghina mana-mana fatwa yang dikeluarkan oleh majlis atau mufti. Kesalahan ini hanya diperuntukkan di lima buah negeri iaitu Negeri Sembilan, Melaka, Kelantan, Perlis dan Sabah. Menurut Ibn Manzur (t.th), fatwa ialah perkataan yang bermaksud suatu perbuatan yang dilakukan oleh mufti mengenai sesuatu hukum atau suatu keputusan hukum yang dikeluarkan oleh *faqih*. Majlis pula bermaksud Majlis Agama Islam yang ditubuhkan di mana-mana negeri atau Wilayah-wilayah Persekutuan di bawah Enakmen atau Akta Pentadbiran. Manakala mufti ialah orang yang dilantik menjadi mufti bagi mana-mana kerajaan negeri atau wilayah-wilayah persekutuan dan termasuk timbalan mufti di mana fungsinya ialah membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan (atau Yang di-Pertuan Agong) berkenaan dengan semua perkara hukum syarak selain bertindak sebagai pengerusi Jawatankuasa Fatwa di peringkat negeri (Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003). Undang-undang Malaysia telah menetapkan pengeluaran fatwa perlu diwartakan untuk membolehkan fatwa itu dikuatkuasakan di mana selagi tidak diwartakan, ia hanya terhad untuk pengetahuan atau rujukan hukum semata-mata (Zaini Nasohah 2005). Setiap orang Islam di sesuatu tempat hendaklah menghormati fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa negeri kerana mereka ialah badan yang berautoriti mengeluarkan fatwa berkenaan masalah hukum syarak yang masih belum jelas hukumnya dalam nas-nas syarak. Perbuatan mempersendakan fatwa yang dikeluarkan oleh badan tersebut merupakan suatu kesalahan kerana Allah SWT telah berpesan di dalam al-Qur'an, surah al-Anbiyā' 21:7 yang bermaksud:

Maka bertanyalah kamu kepada *ahlu al-Zikri* jika kamu tidak mengetahui.

*Ahlu al-Zikri* ialah orang-orang yang mengetahui tentang kitab Allah di mana ayat ini menjadi dalil bahawa orang-orang yang tidak mengetahui sesuatu perkara hendaklah bertanya kepada orang-orang yang mengetahuinya, terutama dalam soal-soal agama (Abdullah Basmeih 2010). Mufti-mufti adalah terdiri daripada kalangan orang yang mahir dalam hukum syarak. Oleh itu, keupayaan mereka dalam mengeluarkan fatwa tidak wajar diragui sama sekali. Tetapi itu bukanlah bermaksud fatwa-fatwa yang dikeluarkan tidak boleh dikritik kerana fatwa yang dikeluarkan merupakan satu ijihad yang barangkali boleh berlaku kesilapan. Cumanya kritikan yang dilontarkan mestilah dilakukan secara ilmiah dan beradab oleh individu-individu yang layak melalui saluran yang betul.

Bagi kesalahan menghina pegawai agama, guru agama dan imam yang dilantik, terdapat tiga negeri yang memperuntukannya iaitu Melaka, Kelantan dan Sabah. Maksud pegawai agama tidak dijelaskan dalam Enakmen Pentadbiran mana-mana negeri. Bagaimanapun Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah mengeluarkan surat Arahan Amalan No. 2 Tahun 2005 yang menjelaskan maksud Pegawai Agama adalah mana-mana Penjawat Awam di bawah Skim Pegawai Hal Ehwal Islam atau pegawai yang setaraf dengannya yang bertugas di Jabatan Agama Islam Negeri-negeri / Pejabat Agama Islam Daerah / lain-lain Jabatan yang berkaitan.

Guru agama pula merujuk kepada orang yang mengajar ilmu agama seperti fardhu ain, akidah, fiqh dan tasawwuf atau akhlak Islamiyyah. Ulama juga termasuk dalam kategori guru agama. Menghina ulama atau guru agama merupakan satu kesalahan di sisi syarak kerana mereka termasuk dalam kalangan orang yang ditinggikan darjat oleh Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah al-Mujādalah 58:11 yang bermaksud:

Allah meninggikan darjat orang-orang beriman yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan.

Ayat tersebut menjelaskan bahawasanya golongan ulama ialah mereka yang memiliki kedudukan yang tinggi di sisi Allah SWT. Selain itu, Rasulullah SAW juga telah bersabda yang bermaksud:

Sesungguhnya ulama itu pewaris para nabi (al-Tirmizī, *Sunan al-Tirmizī*, Kitab al-‘Ilm, Bab ma jā’ a fī Fadl al-Fiqh ‘alā al-‘Ibādah).

Daripada kedua-dua nas tersebut jelas menunjukkan keperluan memberikan penghormatan yang sewajarnya kepada ulama atau mereka yang mengajarkan ilmu agama kepada masyarakat. Bahkan Rasulullah SAW dalam hadithnya telah menggelar mereka sebagai pewaris para nabi yang bertanggungjawab meneruskan perjuangan para nabi dalam menyebarkan risalah dakwah dan mengajarkan Islam kepada seluruh masyarakat. Begitu juga tindakan menghina imam yang dilantik adalah merupakan suatu kesalahan dan dilarang oleh Islam kerana imam yang dilantik biasanya terdiri daripada kalangan mereka yang soleh dan layak memegang jawatan sebagai imam. Menurut Muhammad Nazir et al. (2010) mencela para ulama Islam dan orang-orang yang soleh adalah termasuk dalam perkara yang haram dilakukan. Bukan sahaja para ulama dan orang-orang soleh tidak boleh dihina, bahkan Islam sangat melarang umatnya menghina, mencemuh atau merendah-rendahkan satu sama lain seperti mana firman Allah SWT dalam surah al-Hujurāt 49:11 yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak (dari kaum lelaki) mencemuh dan merendah-rendahkan puak lelaki yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah pula sesuatu puak dari kaum perempuan mencemuh dan merendah-rendahkan puak perempuan yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka.

Oleh itu, jika menghina sesama umat Islam dilarang oleh Allah SWT, apatah lagi jika penghinaan atau penceraan dilakukan kepada orang yang mempunyai darjat yang

tinggi di sisi Allah SWT seperti golongan ulama dan orang-orang soleh, pasti dosanya lebih besar.

Menurut Jadual 3, hanya negeri Melaka dan Sabah yang memperuntukkan perbuatan seorang muslim mendakwa sebagai bukan Islam adalah termasuk dalam kesalahan mempersendakan agama. Jika dilihat secara lengkap teks berkenaan kesalahan itu, peruntukan dalam seksyen 63 Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991 telah menyebut: “*Seseorang Islam yang mendakwa dirinya sebagai seorang bukan Islam adalah disabitkan bersalah kerana mempersendakan agama Islam.*”

Sebenarnya kesalahan ini wujud dalam enakmen jenayah syariah di negeri-negeri lain seperti Pahang, Perak dan Selangor. Cumanya yang membezakan antara peruntukan di negeri Melaka dan Sabah dengan negeri-negeri lain ialah kedua-dua negeri itu menganggap perbuatan mendakwa sebagai bukan Islam adalah suatu persendaan atau penghinaan terhadap agama dan dirangkumkan sekali dalam kesalahan menghina agama Islam. Berbeza dengan negeri-negeri lain, kesalahan ini adalah termasuk dalam kesalahan yang berhubung dengan aqidah.

Jelasnya, tindakan seorang muslim yang mendakwa sebagai bukan Islam boleh menyebabkan dia menjadi murtad walaupun atas tujuan bermain-main. Perkara ini ada dijelaskan oleh al-Zuhaylī (2008) bahawa murtad itu boleh berlaku melalui niat (kehendak dalam hati ingin murtad), perlakuan atau ucapan yang menyebabkan pelakunya menjadi kafir sama ada dilakukan sekadar olok-olok (bergurau atau bermain) atau atas tujuan ingin menentang Islam atau secara iktikad. Murtad daripada Islam merupakan suatu jenayah yang sangat keji dalam Islam. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah 2:217:

Dan sesiapa di antara kamu yang murtad (berpaling tadah) dari agamanya (agama Islam), lalu ia mati sedang ia tetap kafir, maka orang-orang yang demikian, rosak binasalah amal usahanya (yang baik) di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah ahli neraka, kekal mereka di dalamnya (selama-lamanya).

## 2. Kesalahan mempersendakan dan lain-lain ayat al-Qur'an atau Hadith

Sama seperti bentuk kesalahan yang pertama, kesalahan ini ada diperuntukkan di semua negeri di Malaysia termasuklah Wilayah-wilayah Persekutuan. Jadual-jadual berikut memaparkan matan undang-undang yang diguna pakai oleh negeri-negeri bagi kesalahan mempersendakan dan lain-lain ayat al-Qur'an atau Hadith:

Jadual 4 Penggunaan matan undang-undang berkaitan bentuk-bentuk tindakan mempersendakan ayat al-Qur'an atau Hadith

<b>Bil</b>	<b>Matan undang-undang</b>	<b>Negeri, Undang-undang dan Tahun</b>
1.	<i>dengan kata-kata</i>	Seksyen 8 AKJS Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997, Seksyen 9 EJS Selangor 1995, Seksyen 8 EKJS Johor 1997, Seksyen 9 EKJS Terengganu 2001, Seksyen 8 EKJS Kedah 2014, Seksyen 8 EKJS Pulau Pinang

---

	1996, Seksyen 8 OKJS Sarawak 2001 & Seksyen 12 EKJS Pahang 2013
2. <i>perkataan</i>	Seksyen 49 EJS Negeri Sembilan 1992, Seksyen 15 EJS Perak 1992, Seksyen 61 EKS Melaka 1991, Seksyen 136 EMAI AIM Kelantan 1994 & Seksyen 53 EKJS Sabah 1995
3. <i>secara lisan</i>	Seksyen 37 EJDS Perlis 1993
4. <i>tulisan</i>	Seksyen 37 EJDS Perlis 1993
5. <i>perbuatan</i>	Seksyen 8 AKJS Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997, Seksyen 9 EJS Selangor 1995, Seksyen 8 EKJS Johor 1997, Seksyen 9 EKJS Terengganu 2001, Seksyen 8 EKJS Kedah 2014, Seksyen 8 EKJS Pulau Pinang 1996, Seksyen 8 OKJS Sarawak 2001, Seksyen 12 EKJS Pahang 2013, Seksyen 49 EJS Negeri Sembilan 1992, Seksyen 15 EJS Perak 1992, Seksyen 61 EKS Melaka 1991, Seksyen 136 EMAI AIM Kelantan 1994 & Seksyen 53 EKJS Sabah 1995
6. <i>dengan cara apa jua pun</i>	Seksyen 37 EJDS Perlis 1993

---

Jadual 4 menunjukkan penggunaan matan undang-undang berkaitan bentuk-bentuk tindakan mempersendakan ayat al-Qur'an atau hadith yang diperuntukkan oleh enakmen jenayah syariah di setiap negeri. Analisis mendapati kesemua negeri di Malaysia termasuklah Wilayah-wilayah Persekutuan memperuntukkan kesalahan mempersendakan ayat al-Qur'an atau hadith dalam enakmen jenayah syariah negeri masing-masing.

Majoriti negeri memperuntukkan tindakan mempersendakan atau menghina al-Qur'an atau hadith dengan kata-kata atau perbuatan sebagai suatu kesalahan. Cumanya ada sebahagian negeri yang menggunakan lafaz yang berbeza bagi menggantikan lafaz kata-kata seperti Negeri Sembilan, Perak, Melaka, Kelantan dan Sabah yang menggunakan lafaz perkataan. Begitu juga negeri Perlis yang menggunakan frasa '*secara lisan*' bagi merujuk tindakan menghina al-Qur'an atau hadith dengan kata-kata. Selain itu, Perlis merupakan negeri tunggal yang memperuntukkan tindakan menghina melalui tulisan. Perkara ini tidak menjadi satu masalah bagi negeri-negeri yang tidak memperuntukkannya kerana telah dijelaskan sebelum ini, penghinaan melalui kata-kata atau perkataan boleh berlaku sama ada secara lisan atau tulisan. Analisis turut mendapati hanya negeri Perlis yang memperuntukkan kesalahan menghina al-Qur'an atau hadith dengan cara apa jua pun. Bentuk tindakan ini adalah bersifat umum mencakupi segala tindakan yang bertujuan untuk menghina al-Qur'an atau hadith.



Jadual 5 Penggunaan matan undang-undang berkaitan kesalahan mempersendakan dan lain-lain ayat al-Qur'an atau Hadith

<b>Bil</b>	<b>Matan undang-undang</b>	<b>Negeri, Undang-undang dan tahun</b>
1.	<i>mempersendakan</i>	Seksyen 8 AKJS Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997, Seksyen 9 EJS Selangor 1995, Seksyen 8 EKJS Johor 1997, Seksyen 9 EKJS Terengganu 2001, Seksyen 8 EKJS Kedah 2014, Seksyen 8 EKJS Pulau Pinang 1996, Seksyen 8 OKJS Sarawak 2001, Seksyen 12 EKJS Pahang 2013 & Seksyen 15 EJS Perak 1992
2.	<i>mencemuh</i>	Seksyen 8 AKJS Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997, Seksyen 9 EJS Selangor 1995, Seksyen 8 EKJS Johor 1997, Seksyen 9 EKJS Terengganu 2001, Seksyen 8 EKJS Kedah 2014, Seksyen 8 EKJS Pulau Pinang 1996, Seksyen 8 OKJS Sarawak 2001 & Seksyen 12 EKJS Pahang 2013
3.	<i>menghina</i>	Seksyen 8 AKJS Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997, Seksyen 9 EJS Selangor 1995, Seksyen 8 EKJS Johor 1997, Seksyen 9 EKJS Terengganu 2001, Seksyen 8 EKJS Kedah 2014, Seksyen 8 EKJS Pulau Pinang 1996, Seksyen 8 OKJS Sarawak 2001, Seksyen 12 EKJS Pahang 2013, Seksyen 49 EJS Negeri Sembilan 1992, Seksyen 15 EJS Perak 1992, Seksyen 61 EKS Melaka 1991, Seksyen 136 EMAI AIM Kelantan 1994 & Seksyen 53 EKJS Sabah 1995
4.	<i>menyebabkan dipandang hina</i>	Seksyen 8 AKJS Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997, Seksyen 9 EJS Selangor 1995, Seksyen 8 EKJS Johor 1997, Seksyen 9 EKJS Terengganu 2001, Seksyen 8 EKJS Kedah 2014, Seksyen 8 EKJS Pulau Pinang 1996, Seksyen 8 OKJS Sarawak 2001 & Seksyen 12 EKJS Pahang 2013
5.	<i>membuat hina</i>	Seksyen 37 EJDS Perlis 1993
6.	<i>menyebabkan supaya dibuat hina</i>	Seksyen 37 EJDS Perlis 1993
7.	<i>mempermainkan</i>	Seksyen 49 EJS Negeri Sembilan 1992, Seksyen 61 EKS Melaka 1991, Seksyen

	136 EMAI AIM Kelantan 1994 & Seksyen 53 EKJS Sabah 1995
8. <i>mencela</i>	Seksyen 49 EJS Negeri Sembilan 1992, Seksyen 15 EJS Perak 1992, Seksyen 61 EKS Melaka 1991, Seksyen 136 EMAI AIM Kelantan 1994 & Seksyen 53 EKJS Sabah 1995
9. <i>mengejek-ejek</i>	Seksyen 49 EJS Negeri Sembilan 1992, Seksyen 15 EJS Perak 1992, Seksyen 61 EKS Melaka 1991, Seksyen 136 EMAI AIM Kelantan 1994 & Seksyen 53 EKJS Sabah 1995
10. <i>menggunakan</i>	Seksyen 136 EMAI AIM Kelantan 1994
11. <i>meniru</i>	Seksyen 136 EMAI AIM Kelantan 1994
12. <i>melakukan perbuatan yang menyebabkan ayat-ayat al-Quran atau Hadith diletakkan dalam keadaan atau tempat yang boleh mencemarkan kesucian kedua-duanya</i>	Seksyen 53 EKJS Sabah 1995

Jadual 5 memaparkan penggunaan matan undang-undang berkaitan kesalahan mempersendakan dan lain-lain ayat al-Qur'an atau hadith. Analisis terhadap jadual mendapati kebanyakan negeri menggunakan lafaz mempersendakan, menghina, mencemuh dan frasa '*menyebabkan dipandang hina*' ayat-ayat al-Qur'an atau hadith sebagai suatu bentuk kesalahan. Mempersendakan bermaksud mempermainkan (dengan gurau senda), memperolok-olok dan mengejek (Kamus Dewan 2014). Kesalahan mempermainkan dan mengejek-ejek al-Qur'an atau hadith ada diperuntukkan dalam enakmen jenayah syariah di Negeri Sembilan, Melaka, Kelantan dan Sabah. Perbuatan ini dilarang keras oleh Islam sehinggakan Allah SWT menyatakan di dalam al-Qur'an bahawa orang-orang yang melakukannya adalah mereka yang kufur setelah beriman. Firman Allah SWT dalam surah al-Taubah 9:65-66 yang bermaksud:

Katakanlah: "Patutkah nama Allah dan ayat-ayatNya serta Rasul-Nya kamu memperolok-olok dan mengejeknya?" Janganlah kamu berdalih (dengan alasan-alasan yang dusta), kerana sesungguhnya kamu telah kufur sesudah kamu (melahirkan) iman.

Ayat tersebut juga telah digunakan oleh al-Shāfi'ī sebagai dalil yang menunjukkan kufurnya orang yang bermain-main atau bergurau dengan suatu ayat daripada al-Qur'an (al-Subkī 2000).

Mencemuh pula bermaksud mengejek, mencela atau menghina (Kamus Dewan 2014). Lafaz mencela ada disebut dalam enakmen jenayah syariah di Negeri Sembilan, Perak, Melaka, Kelantan dan Sabah. Manakala maksud menyebabkan dipandang hina al-

Qur'an atau hadith tidak jauh berbeza dengan haraian terhadap maksud menyebabkan dipandang hina agama Islam dalam Jadual 2 iaitu suatu perlakuan atau pengucapan yang boleh membawa kepada menghina al-Qur'an atau hadith. Contoh perlakuan yang boleh menyebabkan dipandang hina ayat al-Qur'an atau hadith ialah meletakkan mushaf al-Qur'an atau kitab-kitab hadith di tempat yang rendah dan keji. Begitu juga dengan tindakan meletakkan ayat-ayat al-Qur'an atau potongan hadith pada kasut, dinding-dinding tandas dan lain-lain juga termasuk dalam kesalahan ini. Tafsiran ini turut menjelaskan peruntukan dalam seksyen 53 Enakmen Kesalahan Jenayah Sabah 1995 yang memperuntukkan kesalahan melakukan perbuatan yang menyebabkan ayat al-Qur'an atau hadith diletakkan dalam keadaan atau tempat yang boleh mencemarkan kesucian kedua-duanya. Selain itu, jadual di atas juga menunjukkan negeri Perlis adalah negeri tunggal yang memperuntukkan kesalahan membuat hina atau menyebabkan supaya dibuat hina terhadap al-Qur'an, mana-mana ayatnya dan hadith. Maksud membuat hina telah dijelaskan dalam seksyen yang sama bagi kesalahan tersebut iaitu termasuklah mencela, mengejek, mencemuh, mencerca, mengutuk atau mempersenda.

Negeri Kelantan merupakan satu-satunya negeri yang menyebut lafaz menggunakan dan meniru dalam peruntukan kesalahan menghina al-Qur'an atau hadith. Teks lengkap bagi peruntukan undang-undang bagi kesalahan ini berada dalam seksyen 136 Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 iaitu: "*Seseorang yang menggunakan, mempermainkan, meniru, mencela atau mengejek-ejek dengan perkataan atau perbuatan atau menghina ayat-ayat suci Al-Quran atau Hadis atau sebarang perkataan yang dipandang suci oleh orang-orang Islam, adalah bersalah atas suatu kesalahan.*" Maksud menggunakan dalam peruntukan ini boleh dilihat pada tajuk kesalahan iaitu '*Menyalahgunakan ayat-ayat suci*'. Oleh itu, dapatlah difahami yang tindakan menggunakan yang menjadi suatu kesalahan ialah apabila ayat al-Qur'an atau hadith disalahguna atau diselewengkan. Manakala meniru pula bermaksud membuat sesuatu yang bukan asli atau memalsukan (Kamus Dewan 2014). Perbuatan meniru atau memalsukan al-Quran dan hadith merupakan suatu kesalahan yang sangat berat dalam Islam seperti mana yang telah berlaku sekian lama dalam sejarah Islam terutamanya membabitkan kelompok syiah dan golongan orientalis. Bahkan pada zaman awal Islam lagi sudah wujud usaha untuk meniru atau memalsukan al-Quran seperti mana yang dilakukan oleh Musailamah al-Kazzāb yang telah mendakwa sebagai nabi sehingga Allah SWT telah berfirman dalam surah al-An'ām 6:93 yang bermaksud:

Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang yang mereka-reka perkara yang dusta terhadap Allah, atau orang yang berkata: "Telah diberi wahyu kepadaku", padahal tidak diberikan sesuatu wahyu pun kepadanya.

al-Wāhidī (2009) dan al-Suyutī (t.th.) yang menukilkkan riwayat Ibn Jarīr daripada °Ikrimah menjelaskan bahawa ayat tersebut diturunkan untuk menafikan dakwaan Musailamah al-Kazzāb yang telah mengaku sebagai nabi dan mendakwa bahawa Allah SWT telah menurunkan wahyu kepadanya.

Manakala penciptaan hadith-hadith palsu dan penyebarannya telah bermula sejak tahun 40 H iaitu tahun kawafatan °Ali ibn Abi Tālib di mana disebutkan bahawasanya hadith palsu yang mula-mula dicipta ialah hadith berkenaan dengan memuliakan peribadi

(al-Sibā'ī 1997). Mencipta hadith palsu atau menyebarkan dengan sengaja hadith yang disepakati oleh ulama hadith sebagai palsu hukumnya adalah haram dan berdosa besar kerana Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud:

Dan barangsiapa yang berdusta atas namaku, maka siaplah tempatnya di dalam neraka (al-Bukhāri, *Sahih al-Bukhāri*, Kitab al-‘Ilm, Bab Ithmi man Kazaba ‘ala al-Nabī Sollallahu ‘alayhi was Salam & Muslim ibn al-Hajjāj, *Sahih Muslim*, al-Muqaddimah, Bab Taghlīz al-Kazibi ‘ala Rasulillah Sollallahu Ta‘ālā ‘alayhi was Salam).

Hadith tersebut jelas menunjukkan betapa beratnya kesalahan orang yang melakukan pemalsuan atas nama Nabi Muhammad SAW.

Jadual 6 Penggunaan matan undang-undang berkaitan kesalahan mempersenda ayat-ayat yang berkaitan dengan agama

<b>Bil</b>	<b>Matan undang-undang</b>	<b>Objek / Fokus</b>	<b>Negeri, Undang-undang dan tahun</b>
1.	<i>mempersendakan, menghina, mencemuh, menyebabkan dipandang hina, mempermainkan, mencela, mengejek-ejek, menggunakan, meniru, membuat hina, menyebabkan supaya dibuat hina, mencemarkan</i>	<i>al-Qur'an atau Hadith</i>	Seksyen 8 AKJS Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997, Seksyen 9 EJS Selangor 1995, Seksyen 8 EKJS Johor 1997, Seksyen 9 EKJS Terengganu 2001, Seksyen 8 EKJS Kedah 2014, Seksyen 8 EKJS Pulau Pinang 1996, Seksyen 8 OKJS Sarawak 2001, Seksyen 12 EKJS Pahang 2013, Seksyen 49 EJS Negeri Sembilan 1992, Seksyen 15 EJS Perak 1992, Seksyen 61 EKS Melaka 1991, Seksyen 136 EMAI AIM Kelantan 1994, Seksyen 37 EJDS Perlis 1993 & Seksyen 53 EKJS Sabah 1995
2.		<i>perkataan yang berkaitan dengan agama Islam</i>	Seksyen 61 EKS Melaka 1991 & Seksyen 53 EKJS Sabah 1995
3.		<i>sebarang perkataan yang dipandang suci oleh orang-orang Islam</i>	Seksyen 136 EMAI AIM Kelantan 1994
4.		<i>mana-mana ayat Quran dan hukumnya</i>	Seksyen 37 EJDS Perlis 1993

- |    |  |                             |
|----|--|-----------------------------|
| 5. | <i>sebarang perkataan atau ayat-ayat yang dipandang suci mengikut hukum syarak</i> | Seksyen 37 EJDs Perlis 1993 |
|----|--|-----------------------------|
- 

Jadual 6 mencatatkan penggunaan matan undang-undang berkaitan kesalahan mempersenda ayat-ayat yang berkaitan dengan agama. Analisis mendapati seluruh negeri di Malaysia termasuklah Wilayah-wilayah Persekutuan menjadikan penghinaan terhadap ayat al-Qur'an atau hadith sebagai suatu bentuk kesalahan utama dalam peruntukan ini. Termasuklah penghinaan terhadap ayat al-Qur'an perbuatan menghina hukum-hukum yang telah sabit di dalamnya walaupun jadual menunjukkan hanya negeri Perlis sahaja yang memperuntukkan kesalahan menghina hukum-hukum dalam al-Qur'an. Mana-mana individu muslim yang menghina atau mempersendakan al-Qur'an adalah dihukum sebagai kafir yang murtad menurut jumbuh ulama. Firman Allah SWT dalam surah al-Taubah 9: 65-66 yang bermaksud:

Katakanlah: "Patutkah nama Allah dan ayat-ayatNya serta Rasul-Nya kamu memperolok-olok dan mengejeknya?" Janganlah kamu berdalih (dengan alasan-alasan yang dusta), kerana sesungguhnya kamu telah kufur sesudah kamu (melahirkan) iman.

Rashīd Ridhā (1947) ketika memberi komentar terhadap ayat tersebut dalam tafsirnya telah menegaskan bahawa ayat itu merupakan nas yang jelas dalam menerangkan bahawa sesungguhnya orang yang memperkatakan sesuatu yang tidak layak (penghinaan) bagi kitab Allah, Rasul-Nya, sifat-sifat Allah SWT, janji dan ancaman-Nya serta menjadikan perkara-perkara tersebut suatu bahan untuk bermain-main dan bergurau-senda, setiap yang demikian itu adalah tergolong dalam perbuatan kufur secara hakiki yang mengeluarkan seorang muslim daripada agama dan hendaklah dilaksanakan keatasnya hukuman murtad kecuali dia bertaubat dan memperbaharui keIslamannya.

Penghinaan terhadap hadith atau al-Sunnah juga turut menyebabkan pelakunya dihukum kufur kerana al-Sunnah merupakan wahyu Allah SWT kepada Rasulullah SAW yang mengandungi ajaran Islam (Muhammad Nazir et al. 2010). Antara bentuk penghinaan secara fizikal terhadap hadith yang membawa kepada kekufuran ialah mencampakkan buku hadith ke dalam kotoran atau najis dengan niat menghينanya (al-Zuhaylī 2008).

Selain itu, negeri Melaka dan Sabah menambah kesalahan menghina perkataan yang berkaitan dengan agama Islam. Begitu juga negeri Kelantan dan Sabah yang menambah dalam peruntukannya kesalahan mempersenda atau menghina sebarang perkataan atau ayat yang dipandang suci oleh orang-orang Islam atau hukum syarak. Antara contoh perkataan yang berkaitan dengan agama Islam dan dipandang suci ialah kalimah Allah untuk menunjukkan Tuhan orang Islam dan sekalian alam, solat bagi menggambarkan ibadah yang wajib dilakukan oleh setiap muslim setiap hari, zakat yang merupakan harta yang wajib dikeluarkan oleh umat Islam apabila sempurna syarat serta cukup haul dan lain-lain kalimah.

### 3. Kesalahan memusnahkan atau mencemarkan tempat beribadat

Peruntukan bagi bentuk kesalahan ini ada dimasukkan dalam hampir kesemua enakmen jenayah negeri-negeri di Malaysia. Hanya tiga buah negeri iaitu Melaka, Kelantan dan Perlis sahaja yang tidak menganggap perbuatan ini sebagai suatu bentuk kesalahan jenayah syariah. Kebanyakan negeri meletakkan bentuk kesalahan ini di bawah bahagian Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Kesucian Agama Islam dan Institusinya. Negeri-negeri seperti Wilayah-wilayah Persekutuan, Johor, Kedah, Pulau Pinang dan Sarawak meletakkannya di bawah bahagian Kesalahan Pelbagai. Manakala Perak dan Terengganu pula memperuntukkan kesalahan ini di bawah bahagian Kesalahan Berhubungan Dengan Keadilan dan Ketenteraman Awam. Jadual-jadual berikut memaparkan matan undang-undang yang diguna pakai oleh negeri-negeri bagi kesalahan memusnahkan atau mencemarkan tempat ibadat:

Jadual 7 Penggunaan matan undang-undang berkaitan bentuk-bentuk tindakan memusnahkan atau mencemarkan tempat ibadat

<b>Bil</b>	<b>Matan undang-undang</b>	<b>Negeri, Undang-undang dan Tahun</b>
1.	<i>memusnahkan</i>	Seksyen 32 AKJS Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997, Seksyen 11 EJS Selangor 1995, Seksyen 32 EKJS Johor 1997, Seksyen 39 EKJS Terengganu 2001, Seksyen 30 EKJS Kedah 2014, Seksyen 32 EKJS Pulau Pinang 1996, Seksyen 29 OKJS Sarawak 2001 & Seksyen 21 EKJS Pahang 2013
2.	<i>merosakkan / merosak</i>	Seksyen 32 AKJS Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997, Seksyen 11 EJS Selangor 1995, Seksyen 32 EKJS Johor 1997, Seksyen 39 EKJS Terengganu 2001, Seksyen 30 EKJS Kedah 2014, Seksyen 32 EKJS Pulau Pinang 1996, Seksyen 29 OKJS Sarawak 2001, Seksyen 21 EKJS Pahang 2013, Seksyen 56 EJS Negeri Sembilan 1992, Seksyen 36 EJS Perak 1992 & Seksyen 96 EKJS Sabah 1995.
3.	<i>mencemarkan</i>	Seksyen 32 AKJS Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997, Seksyen 11 EJS Selangor 1995, Seksyen 32 EKJS Johor 1997, Seksyen 39 EKJS Terengganu 2001, Seksyen 30 EKJS Kedah 2014, Seksyen 32 EKJS Pulau Pinang 1996, Seksyen 29 OKJS Sarawak 2001, Seksyen 21 EKJS Pahang 2013, Seksyen 56 EJS Negeri

	Sembilan 1992 & Seksyen 36 EJS Perak 1992
4. <i>membinasakan</i>	Seksyen 56 EJS Negeri Sembilan 1992 & Seksyen 36 EJS Perak 1992
5. <i>meroboh, mengubah atau memindah tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis</i>	Seksyen 96 EKJS Sabah 1995
6. <i>menampal apa-apa, menulis, menanda, mencacat, menconteng dengan apa cara, mengambil tanpa kebenaran atau izin bertulis, mencuri</i>	Seksyen 96 EKJS Sabah 1995

Jadual 7 menunjukkan penggunaan matan undang-undang berkaitan bentuk-bentuk tindakan memusnahkan atau mencemarkan tempat ibadat. Analisis mendapati hampir keseluruhan negeri yang memperuntukkan undang-undang ini menggunakan lafaz memusnahkan, mencemarkan dan merosakkan bagi menerangkan bentuk kesalahan ini. Hanya Negeri Sembilan dan Perak sahaja yang menggunakan lafaz membinasakan bagi menggantikan lafaz memusnahkan yang digunapakai oleh majoriti negeri. Hakikatnya lafaz memusnahkan, membinasakan dan merosakkan ketiga-tiganya membawa maksud yang sama (Kamus Dewan 2014). Lafaz mencemarkan membawa pengertian yang lebih umum iaitu apa jua tindakan yang boleh mengotorkan tempat-tempat ibadat.

Negeri Sabah merupakan satu-satunya negeri yang menggunakan lafaz meroboh yang membawa maksud meruntuhkan (Kamus Dewan 2014). Penulis berpendapat lafaz meroboh itu digunakan untuk merujuk tindakan memusnahkan dan membinasakan yang diperuntukkan oleh negeri-negeri lain. Tindakan mencemarkan termasuklah memusnahkan atau merobohkan tempat-tempat ibadat seperti masjid atau surau hukumnya adalah haram dan berdosa jika dilakukan dengan sengaja kerana masjid dan surau merupakan rumah Allah yang wajib untuk dimuliakan dan dimakmurkan. Firman Allah SWT dalam surah al-Taubah 9:18 yang bermaksud:

Bahawasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.

Menurut Abdul Ghani (1994) perbuatan meroboh Kaabah atau tempat-tempat ibadah orang-orang Islam kerana menghina atau *istihzā'* (mempersenda-sendakan) boleh menyebabkan seseorang muslim itu menjadi kafir.

Selain itu, Sabah juga memperuntukkan kesalahan mengubah atau memindah mana-mana masjid atau surau tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis. Kesalahan ini biasa diperuntukkan dalam kebanyakan undang-undang negara kerana tempat-tempat seperti masjid atau surau merupakan tempat awam yang berada di bawah tanggungjawab kerajaan yang memerintah. Oleh itu, kebenaran daripada pihak tersebut perlu diperolehi sebelum melakukan pengubahsuaian atau pemindahan tempat dari satu tempat ke tempat yang lain. Analisis turut mendapati negeri Sabah merupakan negeri tunggal yang memperuntukkan kesalahan menampal tanpa kebenaran apa-apa iklan, bil, notis, sepanduk, bendera atau poster, menulis, menanda, mencacat, menconteng dengan apa cara di mana-mana bahagian masjid atau surau atau mana-mana kawasannya. Begitu juga kesalahan mengambil tanpa kebenaran atau izin bertulis daripada Majlis atau mencuri apa-apa kepunyaan masjid atau surau hanya diperuntukkan dalam enakmen jenayah syariah di negeri Sabah.

Jadual 8 Penggunaan matan undang-undang berkaitan kesalahan memusnahkan atau mencemarkan tempat ibadat dengan niat menghina dan lain-lain

<b>Bil</b>	<b>Matan undang-undang</b>	<b>Negeri, Undang-undang dan tahun</b>
1.	<i>dengan niat menghina atau mempersendakan agama Islam</i>	Seksyen 32 AKJS Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997, Seksyen 11 EJS Selangor 1995, Seksyen 32 EKJS Johor 1997, Seksyen 39 EKJS Terengganu 2001, Seksyen 30 EKJS Kedah 2014, Seksyen 32 EKJS Pulau Pinang 1996, Seksyen 29 OKJS Sarawak 2001 & Seksyen 21 EKJS Pahang 2013
2.	<i>dengan niat merendah-rendahkan agama Islam</i>	Seksyen 21 EKJS Pahang 2013
3.	<i>dengan niat dengan jalan demikian itu hendak mencela agama Islam</i>	Seksyen 56 EJS Negeri Sembilan 1992
4.	<i>dengan niat hendak mencela atau mengeji agama Islam</i>	Seksyen 36 EJS Perak 1992
5.	<i>untuk apa niat atau tujuan sekalipun</i>	Seksyen 56 EJS Negeri Sembilan 1992

Jadual 8 memaparkan penggunaan matan undang-undang berkaitan kesalahan memusnahkan atau mencemarkan tempat ibadat dengan niat menghina dan lain-lain. Analisis mendapati hampir keseluruhan negeri memperuntukkan kesalahan memusnahkan masjid atau surau dengan niat menghina atau mempersendakan agama Islam. Negeri Pahang menambah dalam peruntukannya dengan niat merendah-rendahkan agama Islam. Negeri Sembilan menggunakan lafaz yang sedikit berbeza iaitu dengan niat dengan jalan demikian itu (membinasakan atau mencemarkan) hendak mencela agama Islam. Begitu juga peruntukan di negeri Perak yang hampir menyamai peruntukan di



Negeri Sembilan, cumanya selepas lafaz mencela, ditambah lafaz atau mengeji agama Islam.

Daripada analisis yang dilakukan, hampir keseluruhan negeri mensyaratkan niat untuk menghina bagi kesalahan yang membabitkan pencemaran tempat-tempat ibadat. Hanya Negeri Sembilan yang memperuntukkan dalam enakmen jenayah syariah kesalahan membinasakan, merosakkan atau membinasakan untuk apa niat atau tujuan sekalipun. Peruntukan tersebut menunjukkan perbuatan merosak atau mencemarkan tempat-tempat ibadat tanpa niat atau bukan dengan niat menghina agama sekalipun tetap dianggap sebagai suatu kesalahan. Begitu juga negeri Sabah yang tidak mensyaratkan niat menghina bagi mandakwa mana-mana individu muslim yang mencemarkan masjid atau surau.

Jadual 9 Penggunaan matan undang-undang berkaitan kesalahan memusnahkan atau mencemarkan apa-apa yang berkaitan dengan tempat ibadat

<b>Bil</b>	<b>Matan undang-undang</b>	<b>Objek / Fokus</b>	<b>Negeri, Undang-undang dan tahun</b>
1.	<i>memusnahkan, merosakkan, mencemarkan, membinasakan, meroboh, mengubah, memindah</i>	<i>masjid atau surau</i>	Seksyen 32 AKJS Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997, Seksyen 11 EJS Selangor 1995, Seksyen 32 EKJS Johor 1997, Seksyen 39 EKJS Terengganu 2001, Seksyen 30 EKJS Kedah 2014, Seksyen 32 EKJS Pulau Pinang 1996, Seksyen 29 OKJS Sarawak 2001, Seksyen 21 EKJS Pahang 2013, Seksyen 56 EJS Negeri Sembilan 1992, Seksyen 36 EJS Perak 1992 & Seksyen 96 EKJS Sabah 1995
2.		<i>tempat beribadat / ibadat lain</i>	Seksyen 32 AKJS Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997, Seksyen 11 EJS Selangor 1995, Seksyen 32 EKJS Johor 1997, Seksyen 39 EKJS Terengganu 2001, Seksyen 30 EKJS Kedah 2014, Seksyen 32 EKJS Pulau Pinang 1996, Seksyen 29 OKJS Sarawak 2001, Seksyen 21 EKJS Pahang 2013 & Seksyen 36 EJS Perak 1992

3.		<i>tempat sembahyang</i>	Seksyen 56 EJS Negeri Sembilan 1992
4.		<i>apa-apa kelengkapannya</i>	Seksyen 32 AKJS Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997, Seksyen 11 EJS Selangor 1995, Seksyen 32 EKJS Johor 1997, Seksyen 39 EKJS Terengganu 2001, Seksyen 30 EKJS Kedah 2014, Seksyen 32 EKJS Pulau Pinang 1996, Seksyen 29 OKJS Sarawak 2001 & Seksyen 21 EKJS Pahang 2013
5.		<i>apa-apa peralatannya</i>	Seksyen 56 EJS Negeri Sembilan 1992 & Seksyen 36 EJS Perak 1992
6.	<i>menulis, menanda, mencacat, menconteng</i>	<i>mana-mana bahagian masjid atau surau atau mana-mana kawasannya</i>	Seksyen 96 EKJS Sabah 1995
7.	<i>mengambil tanpa kebenaran atau izin bertulis, mencuri</i>	<i>apa-apa kepunyaan masjid atau surau</i>	Seksyen 96 EKJS Sabah 1995

Jadual 9 mencatatkan penggunaan matan undang-undang berkaitan kesalahan memusnahkan atau mencemarkan apa-apa yang berkaitan dengan tempat ibadat. Analisis mendapati kesemua negeri yang memperuntukkan kesalahan ini menyebut lafaz masjid atau surau sebagai tempat ibadat. Kesemua negeri kecuali Sabah turut memperuntukkan kesalahan memusnahkan, merosakkan atau mencemarkan tempat ibadat orang Islam yang lain bagi menunjukkan tempat-tempat ibadat selain masjid atau surau yang dijadikan tempat berhimpun untuk menunaikan solat. Negeri Sembilan menggunakan lafaz tempat sembahyang yang merujuk kepada tempat ibadat orang Islam.

Selain itu, jadual menunjukkan kebanyakan negeri memperincikan lagi peruntukan yang ada dalam enakmen negeri masing-masing apabila menambah tindakan memusnahkan atau merosakkan apa-apa kelengkapan tempat-tempat ibadat atau peralatannya adalah suatu kesalahan yang boleh dikenakan tindakan. Contoh kelengkapan atau peralatan di masjid dan surau ialah kain sejadah, karpet atau tikar, mimbar dan lain-lain.

Negeri Sabah merupakan negeri tunggal yang memperuntukkan kesalahan membabitkan perbuatan menulis, menanda, mencacat dan menconteng mana-mana bahagian masjid atau surau atau mana-mana kawasannya yang meliputi halaman masjid,

koridor, serambi atau beranda masjid dan lain-lain. Begitu juga tindakan mengambil tanpa kebenaran atau izin bertulis daripada Majlis atau mencuri apa-apa kepunyaan masjid atau surau adalah suatu kesalahan yang hanya diperuntukkan di negeri Sabah dalam bahagian kesalahan ini.

## KESIMPULAN

Perbuatan menghina agama Islam adalah suatu kesalahan yang tidak boleh dipandang remeh sama sekali kerana tindakan itu boleh meruntuhkan pegangan aqidah yang telah terbina dalam diri seorang muslim. Berdasarkan tinjauan yang dibuat dalam kitab-kitab karangan ulama yang muktabar, majoriti ulama berpendapat orang yang menghina agama adalah dihukum sebagai murtad yang boleh dihukum bunuh kecuali dia bertaubat. Walaupun orang tersebut telah bertaubat, hakim tetap boleh mengenakan hukuman takzir keatasnya seperti sebatan atau penjara untuk memberi pengajaran kepadanya agar tidak mengulangi perbuatan itu. Hukuman takzir ialah hukuman yang diperuntukkan dalam undang-undang Islam di setiap negeri di Malaysia kerana Mahkamah Syariah masih tertakluk di bawah Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984). Oleh itu, hukuman maksimum yang boleh dikenakan keatas pesalah jenayah syariah ialah 3 tahun penjara atau denda sebanyak RM 5,000 atau 6 kali sebatan atau kombinasi mana-mana hukuman tersebut.

Analisis mendapati negeri-negeri menggunakan matan yang bersifat umum atau subjektif dalam peruntukan undang-undang berkaitan kesalahan ini untuk membolehkan penggunaan yang lebih meluas dalam mendakwa orang yang cuba melakukan penghinaan terhadap agama. Namun, perkara tersebut telah menyebabkan timbul isu yang membabitkan peruntukan-peruntukan itu seperti terlalu umum, tidak jelas atau masih kabur. Bagaimanapun, kajian yang dilakukan telah berhasil meneroka maksud-maksud yang terkandung di dalam peruntukan-peruntukan berkaitan kesalahan menghina agama yang melibatkan tiga jenis kesalahan iaitu kesalahan menghina atau menyebabkan dipandang hina dan lain-lain agama Islam, mempersendakan dan lain-lain ayat al-Qur'an atau hadith dan memusnahkan atau mencemarkan tempat beribadat dengan niat menghina agama. Kajian turut mendapati bentuk-bentuk kesalahan yang diinyatakan dalam matan undang-undang tersebut mempunyai sandaran yang jelas daripada nas al-Qur'an, hadith ataupun pendapat ulama.

Peruntukan undang-undang sedia ada juga dilihat tidak menyatakan secara jelas kesalahan menghina atau mencerca Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW padahal perbuatan itulah yang menjadi pokok perbincangan dalam kalangan ulama berkaitan kesalahan menghina agama selain perbuatan menghina atau mempersendakan al-Qur'an kerana perbuatan-perbuatan itu banyak dilakukan oleh musuh-musuh Islam dan orang-orang yang jahil yang menjadikannya sebagai bahan gurauan atau permainan. Walaupun penulis yakin kesalahan mencerca Allah dan Rasulullah adalah termasuk dalam kategori kesalahan yang pertama iaitu menghina atau menyebabkan dipandang hina dan lain-lain agama Islam, penulis tetap ingin mencadangkan agar undang-undang Islam di seluruh negeri meletakkan peruntukan yang khusus membabitkan kesalahan menghina Allah dan Rasulullah bagi menyedarkan seluruh masyarakat bahawa itu merupakan kesalahan yang

paling berat dalam kategori kesalahan menghina agama. Penulis juga mencadangkan badan-badan berautoriti seperti Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), jabatan-jabatan agama Islam negeri-negeri agar menerbitkan senarai bentuk perbuatan yang termasuk dalam kesalahan menghina agama yang akan dikenakan tindakan undang-undang jika sabit kesalahan. Perkara ini penting untuk dilaksanakan bagi menjaga kesucian agama Islam daripada sebarang bentuk pencemaran selain memelihara pegangan aqidah umatnya daripada sesuatu yang boleh merosakkannya.

## PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada penyelidikan geran GUP-2016-017.

## RUJUKAN

*al-Qur'an.*

- °Abd al-Latīf, °Abd al-°Azīz ibn Muhammad ibn °Alī. 1994. *Nawāqidh al-Īman al-Qawliyyah wa al-Amaliyyah*. Riyad: Dār al-Watan.
- Abdullah Muhammad Basmeih. 2010. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Abdul Ghani Azmi Haji Idris. 1994. *Hukum Jarimah Murtaḍ dalam Syariat Islam*. Kota Bharu: Dian Darulnaim Sdn. Bhd.
- Abu al-Husain Muslim ibn al-Hajjāj al-Qushayrī al-Naysābūrī. 1991. *Sahih Muslim*, tahqiq Muhammad Fuād °Abd al-Bāqī. Kaherah: Dār al-Hadith.
- Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.
- Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984) [Akta 355].
- Arief Salleh Rosman. 2001. *Murtaḍ Menurut Perundangan Islam*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- al-Bukhārī, Abu °Abd Allah Muhammad ibn Ismā'īl. 1993. *Sahih al-Bukhari*, tahqiq Musthafā Dīb al-Bughā. Damsyik: Dār Ibn Kathīr.
- Enakmen Jenayah Dalam Syarak (Negeri Perlis) 1991.
- Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Perak) 1992.
- Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995.
- Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Johor) 1997.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pahang) 2013.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Sabah) 1995.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001.
- Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991.
- Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003.
- al-Fayrūz °Abādī, Majd al-Dīn Muhammad ibn Ya°qūb. 2008. *al-Qāmūs al-Muhīt*, tahqiq Anas Muhammad al-Shāmī & Zakariyyā Jābir Ahmad. Kaherah: Dār al-Hadīth.
- Haji Sa°īd Haji Ibrahim. 1998. *Jenayah Murtaḍ dari Sudut Hukum Syarak dan Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Dār al-Ma°rifah.
- Ibn °Ashūr, Muhammad al-Tāhir. 1984. *Tafsīr al-Tahrīr wa al-Tanwīr*. Tūnis: Dār al-Tūnisīyyah li al-Nashr.
- Ibn al-°Arabī, Abu Bakr Muhammad ibn °Abd Allah. 2003. *Ahkām al-Qur'ān*, tahqiq Muhammad °Abd al-Qādir °Athā. Beirut: Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah.

- Ibn Manzūr. t.th. *Lisān al-ʿArab*. Kaherah: Dār al-Maʿārif.
- Ibn Nujaym, Zain al-Dīn ibn Ibrāhīm ibn Muhammad al-Hanafī. 1997. *al-Baḥru al-Rāiq Sharḥ Kanzu al-Daqāiq fī Furūʿ al-Hanafīyyah*, taḥqīq Zakariyyā ʿAmīrāt. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Ibn Qudāmah al-Maqdisī. 2004. *al-Mughnī*, taḥqīq Rāid ibn Sabrī ibn Abī ʿAlfah. Lubnan: Bait al-Afkār al-Dawliyyah.
- Ibn Taimiyyah. 1994. *al-Sarim al-Maslūl ʿalā Shāṭimi al-Rasūl*, taḥqīq Muhammad Muhyī al-Dīn ʿAbd al-Hamīd. Beirut: al-Maktabah al-ʿAsriyyah.
- Iffatkhaliq & Ms Shamana Munawar. 2015. Blasphemy law of Islam - misconceptions and fallacy. *Journal of Islamic Studies and Culture*.
- Kamus Dewan*. 2014. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Nazir Alias, Amir Husin Mohd Nor, Amir Fazlim Yusoff, Mohd Fadhil Mohd Faudzi, Siti Arpah Jaafar & Johanna Mohd Taib. 2010. Perbuatan Mempersendakan Agama Menurut Syarak. Dlm. Amir Husin Mohd Nor et al. (pnyt.) *Kesalahan Jenayah Aqidah Menurut Kerangka Perundangan di Malaysia*, hlm. 41-66. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Sarawak) 2001.
- al-Qurasyī, Ahmad ibn Muhammad ibn Hāsin. 2005. *al-Istihzāʾ bi al-Dīn: Ahkāmuhu wa Athāruhu*. Riyad: Dār Ibn al-Jawzī.
- al-Rāzī, Muhammad ibn Abī Bakr ibn ʿAbd al-Qādir. 2014. *Mukhtār al-Sihāh*, taḥqīq Muhammad Nabīl Tarīfī. Beirut: Dār Sādir.
- al-Rāzī, Fakhr al-Dīn. 1981. *al-Tafsīr al-Kabīr wa Mafāṭih al-Ghayb*. Beirut: Dār al-Fikr.
- al-Sibāʿī, Mustaffā. 1997. *As-Sunnah: Sumber Hukum Islam*. Terj. Abu Muhammad Izzuddin. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Shamraḥayu Abdul Aziz. 2007. Peruntukan Undang-Undang Mengenai Penghinaan Terhadap Agama Islam di Malaysia. Dlm. Nasimah Hussin (pnyt.). *Undang-Undang Islam: Jenayah, Keterangan dan Prosedur*, hlm. 100-125. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Sharbīnī, Shams al-Dīn Muhammad ibn Muhammad al-Khatīb. 2000. *Mughnī al-Muhtāj ilā Maʿrifati Maʿānī al-ʿAlfāz al-Minhāj*, taḥqīq ʿAli Muhammad Muʿawwadḥ & ʿĀdil Ahmad ʿAbd al-Maujūd. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Siti Zubaidah Ismail. 2012. Kajian Semula Terhadap Undang-Undang Jenayah Syariah. Dlm. Siti Shamsiah Md Supi (pnyt.) *Korpus Undang-Undang Islam di Malaysia: Semakan dan Cabaran*, hlm. 109-129. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.
- al-Subkī, Taqī al-Dīn ʿAlī ibn ʿAbd al-Kāfī. 2000. *al-Sayf al-Maslūl ʿalā man Sabb al-Rasūl*, taḥqīq ʿIyyād Ahmad al-Ghūj. Amman: Dār al-Fath.
- al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn. t.th. *Lubāb al-Nuqūl fī Asbāb al-Nuzūl*, taḥqīq Yāsir Salāh ʿAzab. Kaherah: al-Maktabah al-Tawfīqiyyah.
- al-Tirmizī, Abu ʿĪsā Muhammad ibn ʿĪsā. 2005. *Sunan al-Tirmizī*, taḥqīq Sidqī Jamīl al-ʿAttār. Beirut: Dār al-Fikr.
- al-Wāhidī, Abu al-Husain Alī ibn ʿAhmad. 2009. *Asbāb al-Nuzūl*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Zaini Nasohah. 2005. Undang-undang penguatkuasaan fatwa di Malaysia. *Islamiyyat* 27(1): 25-44.
- Zaydān, ʿAbd al-Karīm. 1993. *Al-Mufāssal fī Ahkām al-Marʾah wa al-Bayt al-Muslim fī al-Sharʿati al-Islāmiyyah*. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- al-Zuhaylī, Wabbah. 2008. *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*. Damsyik: Dār al-Fikr. Jil. 6.

Mohamad Azri Bin Kharal Anuar  
 Postgraduate Student  
 ryanuar2020@yahoo.com  
 Jabatan Syariah,  
 Fakulti Pengajian Islam,  
 Universiti Kebangsaan Malaysia,  
 43600 Bangi, Selangor,  
 MALAYSIA

Mohd Al Adib Bin Samuri  
*al\_adib@ukm.edu.my*  
Jabatan Syariah,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor,  
MALAYSIA

Journal of Contemporary Islamic Law

Vol. 2(1) (2017)

**Editor-In-Chief**

Dr. Mohd Al Adib Samuri

**Co-Editor**

Dr. Salmy Edawati Yaacob

**Senior Editors**

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad

Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad

Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad

Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah

Assoc. Prof. Dr. Ibnor Azli Ibrahim

Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin

**Chief Managing Editor**

Dr. Mat Noor Mat Zain

**Arabic Copy Editor**

Anwar Fakhri Omar

**Bahasa Copy Editor**

Dr. Mohd Zamro Muda

Md. Yazid Ahmad

**Editor**

Dr. Mohammad Zaini Yahaya

Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

Journal of Contemporary Islamic Law

Vol. 2(1) (2017)

**Published by:**

Jabatan Syariah,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia

**Suggested citation style**

Author, (2017), Title, Journal of Contemporary Islamic Law, 2(1), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Noncommercial-No Derivative Works 3.0 Unported License

(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).

You can download an electronic version online. You are free to copy, distribute and transmit the work under the following conditions: Attribution – you must attribute the work in the manner specified by the author or licensor (but not in any way that suggests that they endorse you or your use of the work); Noncommercial – you may not use this work for commercial purposes; No Derivate Works – you may not alter, transform, or build upon this work.